

UMP perkenal MyGift

B. HARIAN (VARSI) 31/12/2015 m/s v3

Pekan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan MyGift sebagai inisiatif baharu universiti awam itu meneroka sumber kewangan dan penjana pendapatan tanpa bergantung kepada pembiayaan kerajaan.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata inisiatif baharu itu membolehkan agensi kerajaan, badan korporat dan orang perseorangan sama ada dari dalam atau luar negara menyalurkan sumbangan kepada universiti itu.

"Sumbangan dalam bentuk kewangan atau material ke tabung MyGift akan digunakan bagi tujuan tajaan pendidikan atau penambahbaikan iklan program pengajian di UMP," katanya ketika berucap pada Majlis Penganugerahan Autonomi dan Aspirasi Universiti-Industri UMP di sini, baru-baru ini.

Majlis penganugerahan itu disempurnakan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh. Yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zaini Ujang.

Prof Daing Nasir berkata, UMP menyasarkan program itu dapat mengumpul dana sebanyak RM40 juta dan setakat ini sebanyak RM4.13 juta telah berjaya dicapai.

Sembilan endowmen

"Angka ini masih rendah daripada sasaran yang diletakkan, oleh itu pihak pengurusan berpendapat kejayaan pelaksanaan MyGift dapat direalisasikan secara berkesan sekiranya



Prof Daing Nasir Ibrahim

alumni, staf dan lembaga pengarah universiti dapat memainkan peranan dengan lebih proaktif," katanya.

Beliau berkata, sembilan endowmen dan tabung diwujudkan sebagai sokongan kepada inisiatif MyGift iaitu penubuhan Kursi Kecemerlangan untuk menjalankan aktiviti ilmiah, biasiswa pelajar, endowmen kemudahan makmal dan fasiliti bagi memenuhi keperluan pelajar di bulan puasa.

Endowmen lain ialah tabung masjid, tabung bencana, tabung wakaf, tabung komuniti dan tabung sumbangan tidak patuh syariah disediakan atas sumbangan harta yang diperolehi dengan cara tidak mematuhi syariah dan perlu diserahkan kepada penerima tertentu.